
PEKELILING PENGURUSAN BIL. 8 TAHUN 2021

**DASAR KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

TUJUAN

Pekeliling Pengurusan Bil. 8 Tahun 2021 ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan Dasar Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2020 yang telah bersidang pada 20 Disember 2020 telah bersetuju meluluskan Dasar Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3. Dasar ini diwujudkan berpandukan Seksyen 15 (1), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Seksyen 15 (2) (d) akta yang sama.

PELAKSANAAN

Dasar Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) dibuat berdasarkan keperluan yang bertujuan untuk mengiktiraf serta menerima prinsip bahawa staf dan pelajar OKU mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam universiti selain menikmati hak, peluang dan akses secara saksama di bawah peraturan universiti sepertimana yang dinyatakan di Lampiran 1.

TARIKH KUATKUASA

Pemakaian Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya diluluskan.

Sekian untuk makluman dan perhatian YBhg. Prof. Datuk/ Prof. / Tuan/ Puan.

Terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

Yang benar,



NAIM BIN MASLAN
Menjalankan Tugas Pendaftar
☎ : 07-4537105